



Kecerdasan emosi bertauhid dalam kalangan remaja Muslim Malaysia

Norsaleha Mohd. Salleh¹, Ab Halim Tamuri¹, Noor Hafizah Mohd. Haridi¹, Salleh Amat², Amriah Buang²

¹Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, ²Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Norsaleha Mohd. Salleh (email: norsaleha@kuis.edu.my)

Abstrak

Dalam Model Ketenangan Hati (*Kitab Kimiya al-Saadah*) al-Ghazali memberi penekanan kepada empat domain utama yang membentuk kecerdasan emosi seseorang iaitu Mengenal Diri, Mengenal Allah, Mengenal Akhirat dan Mengenal Alam. Keempat-empat domain ini mengandungi elemen tauhid bagi mengukur tahap emosi remaja dari aspek takut, marah, benci, sayang, sedih, dengki dan malu. Kajian ini mengenal pasti tahap kecerdasan emosi bertauhid remaja Muslim di Malaysia berdasarkan Instrumen Kecerdasan Emosi Bertauhid. Data primer diperolehi dari temu selidik 1520 orang remaja daripada seluruh negara. Analisis hasil kajian mendapati tahap nilai kebolehppercayaan Alpha Cronbach bagi instrumen Kecerdasan Emosi Islam adalah tinggi (>0.8). Dapatan kajian juga menunjukkan skor min bagi tahap Mengenal Diri (min= 4.22, sp=0.35), Mengenal Allah (min=4.40, sp=0.40), Mengenal Akhirat (min=4.29, sp=0.42) dan Mengenal Alam (min=3.92, 0.44) adalah tinggi secara keseluruhannya. Cuma 4.3% daripada kalangan remaja ini mengakui tidak malu melakukan dosa dan maksiat kepada Allah SWT. Analisis data inferensi pula menunjukkan wujud perbezaan tahap kecerdasan emosi Islam berdasarkan aliran, lokasi, jantina, keputusan Pendidikan PMR dan PAFA. Kajian ini berguna kepada autoriti agama dan kementerian pendidikan dalam usaha memantapkan kecerdasan emosi remaja berdasarkan tuntutan Islam yang sebenar.

Katakunci: al-Ghazali, instrument kecerdasan emosi bertauhid, kecerdasan emosi, *Kitab Kimiya al-Saadah*, model ketenangan hati al-Ghazali, kecerdasan emosi bertauhid

Validity of the tauhidic emotional intelligence of Malaysia's Muslim adolescents

Abstract

The Tauhidic Emotional Intelligence Instrument was formulated based on al-Ghazali Heart Tranquility Model in his *Kitab Kimiya al-Saadah*. Al Ghazali emphasized on four major domains that mold one's emotion, namely, Knowing Self, Knowing Allah, Knowing the Hereafter and Knowing the Universe. All four domains were formulated to measure the level of adolescent's emotion from these aspects: anger, hatred, love, sadness, jealousy and shame. This research examined the level of Tauhidic Emotional Intelligence among Muslim adolescents in Malaysia. Primary data were gathered from questionnaire returns of 1520 teenagers randomly sampled from all over the county. The reliability level of the Tauhidic Emotional Intelligence instrument obtained a high (>0.8) Alpha Cronbach score. The findings showed generally high mean scores for Knowing Self (mean=4.22, sd=0.35), Knowing Allah (mean=4.40, sd=0.40), Knowing the Hereafter (mean=4.29, sd=0.42) and Knowing the Universe (mean=3.29, sd=0.44). Only 4.3% of the adolescents admitted of not feeling ashamed in committing sins and vices towards Allah SWT. Inferential data analysis demonstrated the difference in the level of Tauhidic emotional intelligence based on stream, location, gender, PMR and FAFA results. This research is useful to the religious authorities and education ministry in the effort to strengthen adolescents' emotional intelligence as duly required in Islam.

Keywords: al-Ghazali, al-Ghazali Heart Tranquility Model, emotional intelligence, *Kitab Kimiya al-Saadah*, Tauhidic Emotional Intelligence Instrument, vitality of emotional intelligence

Pengenalan

Kecerdasan emosi dalam Islam merupakan satu tuntutan asas kepada seorang muslim yang mahu menjadi hamba Allah yang baik di dunia dan akhirat. Seorang muslim yang mempunyai emosi yang stabil dan sejahtera, bukan sahaja berupaya melaksanakan ibadat dengan ikhlas kepada Allah tetapi juga berupaya memberikan khidmat dan sumbangan kepada keluarga, negara dan bangsa. Perbincangan tentang Kecerdasan Emosi Bertauhid dibahaskan oleh al-Ghazali (1058-1111) dalam buku yang bertajuk *Kimiya' al-Sa'adah*. Beliau merupakan seorang tokoh sarjana Islam klasik yang pakar dalam bidang pemikiran dan tasawwuf pada zamannya. Penulisan beliau menjadi rujukan sarjana Islam dan Barat termasuklah kitab *Ihya Ulum al-Din* dan *Kimiya' al-Sa'adah*. Walaupun tulisan beliau sudah melebihi 900 tahun, namun pendekatan yang diperkenalkan kepada umum tentang Kecerdasan Emosi Bertauhid menarik perhatian pengkaji untuk menguji model kecerdasan ini kepada remaja di Malaysia. Oleh sebab itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti Kecerdasan Emosi Bertauhid dalam kalangan remaja muslim di Malaysia.

Kajian lepas

Kajian terhadap Kecerdasan Emosi Islam pernah dilakukan oleh Hamidah et al. (2013) dan Noriah et al. (2004) yang menghubungkan kecerdasan emosi menurut al-Quran dan al-Sunnah. Walau bagaimanapun, instrumen kajian yang digunakan masih lagi menggunakan instrumen Kecerdasan Emosi Goleman (1998) dan ditambah nilai kerohanian oleh Noriah et al. (2004). Kajian yang dilakukan oleh Idham et al. (2010) berkaitan profil kecerdasan emosi guru pelatih bahasa mengikut tahun pengajian mendapati terdapat perbezaan perhubungan kecerdasan emosi guru pelatih yang belajar pada tahun satu, tahun dua dan tahun tiga sama ada dalam perkara kesedaran sendiri, regulasi sendiri, motivasi, empati, kemahiran sosial, kerohanian, kematangan atau kecerdasan. Kecerdasan emosi guru pelatih bidang bahasa Indonesia daripada semua domain, iaitu segi kesedaran sendiri, regulasi sendiri, motivasi sendiri, kerohanian dan kematangan pula menunjukkan guru pelatih tahun tiga mencapai nilai min yang paling tinggi diikuti oleh guru pelatih tahun dua dan tahun satu. Namun demikian, kecerdasan emosi dari segi empati dan kemahiran sosial guru pelatih tahun dua mencapai nilai min yang paling tinggi diikuti oleh guru pelatih tahun tiga dan tahun satu.

Mustafa et al. (2010) telah melakukan kajian tentang Antesedan Kecerdasan Emosi, Kecerdasan Spiritual dan Kecerdasan Emosi Spiritual dalam Kalangan Pelajar Sekolah Berasrama Penuh dan Institusi Pengajian Tinggi. Kajian tersebut memaparkan tentang analisis secara deskriptif item-item yang berkaitan dengan kecerdasan emosi sepertimana yang dikemukakan oleh Augustian (2001). Dalam kajian Mustafa et al. (2010) responden menitikberatkan masa depan mereka, mengasihi diri sendiri serta juga menyanjungi orang lain. Di samping itu, item-item ESQ yang rendah tahap persetujuan telah dikenalpasti. Hasil kajian juga menunjukkan bahasa komunikasi keluarga dan komunikasi institusi berperanan selaku antesedan kepada ESQ. Korelasi antara pembolehubah berkenaan dibuktikan dalam kedua-dua konteks responden yang dikaji. Dari segi perbezaan pula, pelajar lelaki dan perempuan di SBP adalah berbeza dari segi tahap ESQ iaitu pelajar perempuan di dapati mempunyai ESQ yang lebih tinggi. Manakala bagi pelajar IPT pula, perbezaan dari segi ESQ adalah dari segi umur.

Rorlinda (2009) dalam kajiannya terhadap kecerdasan emosi, efikasi sendiri dan sumbangan terhadap komitmen tugas guru kaunseling sekolah menengah mendapati kecerdasan emosi guru kaunseling dalam kajian ini berada pada kadar sederhana ke tinggi, dengan kecekapan kerohanian, kematangan dan empati mengatasi domain-domain yang lain seperti regulasi sendiri, motivasi sendiri, kesedaran sendiri dan kemahiran sosial. Kajian juga menunjukkan kecerdasan emosi dan efikasi sendiri merupakan dua kecekapan penting yang dapat menjana komitmen tugas guru kaunseling dalam kajian ini. Kajian yang

dilakukan oleh Salinah Pit (2008) tentang kecerdasan emosi di kalangan pelajar mendapati profil kecerdasan emosi di kalangan pelajar mendapat skor min yang tinggi pada domain kerohanian dan kematangan dan mendapat skor min yang terendah pada domain kemahiran sosial. Dapatan kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan kecerdasan emosi pelajar berdasarkan jantina, aliran persekolahan dan status ekonomi sosial. Terdapat kesan interaksi antara jantina dengan aliran persekolahan ke atas kecerdasan emosi. Walau bagaimanapun, tidak terdapat kesan interaksi antara jantina dengan status sosioekonomi ke atas emosi di kalangan pelajar, aliran persekolahan dengan status sosioekonomi ke atas kecerdasan emosi. Kajian juga menunjukkan wujud hubungan antara keseluruhan domain-domain kecerdasan emosi kecuali domain motivasi sendiri dengan domain kerohanian dan antara domain motivasi sendiri dengan domain kematangan.

Kajian yang dilakukan oleh Noriah Ishak dan Siti Rahayah Arifin (2003) terhadap kepintaran emosi di kalangan pekerja di Malaysia mendapati domain kerohanian dan kematangan merupakan aspek penting dalam meningkatkan kecerdasan emosi seseorang. Antara aspek yang dimaksudkan ialah keredaan dan tanggungjawab sebagai hamba serta kemampuan seseorang dalam menghayati nilai-nilai agama. Noriah dan Zuriah (2003) juga telah membuat kajian kepintaran emosi di kalangan pelajar Tahun Satu mendapati wujudnya perbezaan yang signifikan kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar berlainan jantina yang dikaji. Min yang diperoleh menunjukkan pelajar perempuan mempunyai min yang lebih tinggi dari pelajar lelaki. Pelajar perempuan yang dikaji mempunyai min skor yang lebih tinggi bagi kedua-dua domain empati dan kemahiran sosial. Ini menunjukkan pelajar perempuan lebih berkemampuan untuk membina hubungan interpersonal dengan orang lain.

Kajian lepas yang dilakukan oleh sarjana sebelum ini menggunakan instrumen Kecerdasan Emosi Goleman yang telah diubahsuai mengikut kesesuaian agama Islam. Noriah dan Siti Rahayah (2003) memperkenalkan Ujian Kepintaran Emosi Malaysia yang menggabungkan Teori Kecerdasan Emosi Goleman dan nilai kerohanian yang terdapat dalam 99 nama-nama Allah SWT. Begitu kajian Rorlinda (2009) menggunakan instrumen yang sama digunakan oleh sarjana yang terdahulu.

Walaupun bagaimanapun kajian Norsaleha (2015) memperkenalkan satu pendekatan baru daripada Model Ketenangan Hati al-Ghazali yang menggabungkan aspek duniawi dan ukhrawi dalam mencapai kecerdasan emosi yang sebenar. Model ini menggunakan instrumen Kecerdasan Emosi Bertauhid kerana setiap domain yang diukur mengandungi elemen tauhid. *Kimiya' al-Sa'adah* adalah sebuah hasil tulisan al-Ghazali yang mengupas tentang peranan dan fungsi hati dalam kehidupan seorang manusia. Kebahagiaan seseorang bertitik tolak daripada pengurusan hati seseorang yang mengenal hakikat diri sebagai hamba Allah, hakikat Allah sebagai Tuhan yang disembah, hakikat akhirat yang menjadi tempat semua makhluk menerima pembalasan dan hakikat alam yang saling berinteraksi dan saling menyokong.

Model kecerdasan emosi bertauhid oleh al-Ghazali

Menurut al-Ghazālī (2005) kecerdasan emosi yang sebenar (*Insan Sa'adah*) boleh dicapai apabila manusia berkemampuan mengenali diri sendiri dalam erti kata mampu mengawal tingkah lakunya berpandukan hati nurani, mentauhidkan Allah SWT dalam erti kata mengenali Allah, boleh berinteraksi dengan persekitaran dengan mengenali alam yang terkandung di dalamnya manusia, haiwan dan tumbuhan. Al-Ghazali turut memasukkan satu elemen baru dalam kecerdasan emosi iaitu keupayaan mengenali hakikat hari akhirat yang terdapat di sana hari pembalasan dan ganjaran di atas semua perbuatan di dunia. Kemampuan mengenali empat domain utama ketenangan hati (*Insan Sa'adah*) ini iaitu mengenali diri, mengenali Allah, mengenali alam dan mengenali hari akhirat akan membawa seseorang itu mentauhidkan Allah SWT dan menyerahkan kehidupannya kepada Allah dalam setiap perbuatan dan ketentuan yang ditakdirkan Allah Taala ke atasnya seterusnya menjadi Insan Kamil yang dekat dengan Allah SWT (Ibn Taimiyah 1988).

Pandangan al-Ghazālī disokong oleh Teori Kepuasan Maslow (1943) yang memperkenalkan konsep kesempurnaan sendiri (*self-actualization*) iaitu mencapai potensi diri yang bermakna kepada seseorang. Menurut Maslow, manusia dilahirkan dengan mempunyai kuasa dalaman untuk menghasilkan potensi diri

maksimum yang dikenali sebagai kesempurnaan sendiri (*self-actualization*). Untuk mencapai kesempurnaan sendiri, perlu melalui beberapa tahap. Ia bermula daripada tahap asas iaitu keperluan fisiologi diikuti oleh keperluan keselamatan seterusnya kepada keperluan sosial kemudian meningkat kepada keperluan penghormatan dan akhirnya tahap mencapai kesempurnaan sendiri.

1. Mengenal diri – *Ma'rifat al-Nafs*

Mengenal Diri menjadi konteks pendidikan pertama seseorang, sekiranya ingin mencapai tahap emosi yang stabil dan cerdas. Dalam hal ini, al-Ghazālī (2000), berpendapat diri manusia terbahagi kepada fizikal dan batin. Sebagaimana manusia mengenali tabiat dan sifat fizikal yang dimilikinya, manusia juga perlu mengenali tabiat dan sifat batin yang tersembunyi dalam dirinya. Sehubungan dengan itu, hati manusia diibaratkan seperti raja kepada segala anggota badan manusia, di mana dalam hati itulah bertempatnya nafsu dan emosi manusia. Allah SWT menciptakan hati manusia dengan berbagai-bagai sifat dan ragam. Ada masanya hati manusia itu keluh kesah, ada masanya hati manusia itu tenang, ada masanya dia pendendam, marah, gembira dan ada waktunya hati manusia itu dalam ketakutan dan kebimbangan. Semua perasaan yang wujud dalam hati manusia ini memerlukan bimbingan dan panduan agar dia terus berada dalam landasan yang benar dan diredai Allah SWT.

2. Mengenal Allah – *Ma'rifat Allah*

Mengenal Allah adalah pintu kepada alam ghaib yang wajib diimani oleh semua orang-orang Islam. Al-Ghazālī (2000) berpendapat apabila manusia melihat keajaiban kejadian mereka yang terdiri daripada tangan, kaki, kepala dan seluruh anggota badan yang saling berperanan dan membantu antara satu sama lain, itu sebenarnya menunjukkan kehebatan Allah SWT dalam penciptaanNya. Pemerhatian ini akan membawa manusia mengenal sifat-sifat dan nama-nama Allah SWT serta kekuasaanNya ke atas manusia, seterusnya meletakkan manusia sebagai hamba yang sentiasa bersyukur dan berserah diri kepadaNya.


3. Mengenal persekitaran – *Ma'rifat Alam*

Mengenal persekitaran menjadikan dunia dan alam nyata ini sebagai tempat persinggahan dan kehidupan manusia yang sementara. Dunia merupakan tempat manusia melakukan kebaikan, menerima ujian dan cabaran kerana selepas itu manusia akan mendapat balasan dan ganjaran mengikut amalan yang dilakukan sewaktu di dunia. Allah SWT menyediakan dunia sebagai medan ujian untuk manusia membina kehidupan dan mengumpulkan sebanyak mungkin amalan kebaikan yang boleh menjadi syafaat sewaktu dikumpulkan di padang mahsyar. Oleh sebab itu Allah Taala menguji manusia dengan ketakutan, kelaparan, kehilangan, kemiskinan, kematian dan lain-lain adalah semata-mata untuk melihat siapakah dalam kalangan hambaNya yang paling baik amalannya.

4. Mengenal akhirat – *Ma'rifat Akhirat*

Mengenal Akhirat merujuk kepadamengetahui hakikat alam akhirat yang dipenuhi dengan berita tentang syurga dan neraka, hari perhitungan, timbangan, sirat dan lain-lain. Syurga disediakan Allah SWT kepada mereka yang beriman, sabar dengan ujian dan ketentuan Allah. Manakala neraka pula dipenuhi dengan orang-orang kufur yang mengingkari perintah Allah SWT serta mereka yang menolak takdir dan ketentuan Allah SWT. Keempat-empat pendekatan al-Ghazālī ini, merupakan kemuncak bagi menghasilkan kecerdasan emosi dalam diri seseorang. Konsep Ketenangan Hati yang diperkenalkan oleh al-Ghazālī merangkumi aspek dunia dan akhirat apabila melibatkan kepercayaan dan akidah dalam membentuk ketenangan hati. Mengenal Allah SWT dan mengenal hari akhirat adalah dua elemen akidah yang menjadi tonggak dan kekuatan hati seseorang untuk mudah menerima ketentuan dan ujian Allah

SWT. Inilah juga elemen yang diterap dan ditanam oleh Rasulullah SAW selama 13 tahun di Mekah terhadap para sahabat sebelum berhijrah ke Madinah.



Rajah 1. Model kecerdasan emosi bertauhid oleh al-Ghazālī

Metodologi

Kajian ini menggunakan reka bentuk kaedah tinjauan yang melibatkan analisis data deskriptif dan inferensi. Kajian ini menggunakan satu set soal selidik iaitu Skala Kecerdasan Emosi Bertauhid oleh al-Ghazali. Pengumpulan data menggunakan kaedah kuantitatif yang melibatkan pengedaran borang soal selidik kepada 1520 orang remaja di seluruh Malaysia yang dipilih secara rawak. Kesemua instrumen pengutipan data yang telah diubahsuai oleh pengkaji telah disahkan kandungannya oleh sembilan orang panel rujukan pakar. Bagi menilai kebolehpercayaan terhadap instrumen yang digunakan, kajian rintis telah dijalankan terhadap 100 orang pelajar tingkatan 4 dengan tahap nilai kebolehpercayaan alpha Cronbach yang diperoleh bagi semua instrumen adalah tinggi (>0.8). Secara keseluruhannya, sebahagian besar penyelidik mencadangkan bahawa nilai pekali alpha yang melebihi 0.8 lazimnya menunjukkan aras kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh diterima sebagai satu instrumen (Bryman & Cramer, 2011).

Hasil analisis

Hasil analisis dibincang dalam dua bahagian. Bahagian pertama adalah berkaitan profil remaja dan perbezaannya berdasarkan aliran pengajian, jantina dan lokasi. Manakala bahagian kedua berkaitan tahap kecerdasan emosi Islam remaja.

Profil remaja Muslim dan perbezaan kecerdasan emosi bertauhid

Seramai 1520 orang remaja yang berusia 16 tahun telah dipilih secara rawak di seluruh negara untuk menjadi peserta kajian seperti yang dipaparkan dalam Jadual 1.

Jadual 1. Profil remaja muslim

Faktor	Kategori	N	Peratus
Lokasi	Bandar	751	49.4
	Luar Bandar	769	50.6
Jantina	Lelaki	623	41.1
	Perempuan	897	59.0
Aliran Pengajian	Sains	731	48.1
	Bukan Sains	789	51.9
Jumlah		1520	

Berdasarkan jadual di atas, seramai 751 (49.4%) remaja berasal daripada bandar dan 769 (50.6%) remaja berasal daripada luar bandar. Begitu juga seramai 623 orang remaja (41.1%) adalah pelajar lelaki, manakala seramai 897 (59.0%) adalah remaja perempuan. Ini menunjukkan jumlah remaja perempuan melebihi jumlah remaja lelaki dalam kajian ini. Analisis aliran pengajian pula menunjukkan remaja yang mengikuti aliran pengajian sains adalah seramai 731 (48.1%) orang dan aliran pengajian bukan sains pula seramai 789 (51.9%) orang.

Hasil Ujian-t bagi menguji perbezaan skor min kecerdasan emosi mendapati remaja bandar mempunyai kecerdasan emosi yang lebih tinggi berbanding remaja luar bandar (sila rujuk Jadual 2).

Jadual 2. Ujian-t perbezaan kecerdasan emosi remaja bandar dan luar bandar

Lokasi	N	Min	SP	Levene'T		Nilai-t	Df	Sig.	d	95% CI	
				F	Sig.					Rendah	Tinggi
Bandar	751	4.23	0.31	9.67	0.002	3.97	1488.36	0.00	0.07	0.04	0.10
Luar Bandar	769	4.16	0.37								

Signifikan pada aras $p < 0.05$

Hasil Ujian-t juga mendapati remaja perempuan mempunyai kecerdasan emosi yang lebih berbanding remaja lelaki (sila rujuk Jadual 3).

Jadual 3. Ujian-t perbezaan kecerdasan emosi remaja lelaki dan perempuan

Jantina	N	Min	SP	Levene'T		Nilai-t	Df	Sem	d	95% CI	
				F	Sig.					puig.	Rendah
Perempuan	897	4.25	0.32	4.30	0.04	7.86	1238.22	0.00	0.14	0.11	0.18
Lelaki	623	4.11	0.36								

Signifikan pada aras $p < 0.05$

Ujian-t juga mendapati remaja aliran sains mempunyai kecerdasan emosi yang lebih tinggi daripada remaja yang mengikuti pengajian bukan aliran sains (sila rujuk Jadual 4).

Jadual 4. Ujian-t perbezaan kecerdasan emosi remaja aliran sains dan bukan sains

Aliran	N	Min	SP	Levene'T		Nilai-t	Df	Sig.	D	95% CI	
				F	Sig.					Rendah	Tinggi
Sains	731	4.25	0.32	7.15	0.008	6.36	1513.05	0.00	0.11	0.08	0.14
Bukan sains	789	4.14	0.36								

Signifikan pada aras $p < 0.05$

Kesimpulannya, remaja perempuan yang tinggal di bandar dan mengambil aliran sains mempunyai kecerdasan emosi bertauhid yang lebih tinggi berbanding remaja lelaki yang tinggal di luar bandar dan tidak mengambil aliran sains.

Tahap kecerdasan emosi bertauhid remaja Muslim

Kajian terhadap 1520 orang remaja muslim menunjukkan mereka memperoleh skor min tahap kecerdasan yang tinggi dan sederhana tinggi.

Jadual 5. Skor min bagi domain kecerdasan emosi bertauhid remaja

Domain utama	Min	Sisihan piawai	Interpretasi
Mengenal Allah	4.40	0.40	Tinggi
Mengenal Akhirat	4.29	0.42	Tinggi
Mengenal Diri	4.22	0.35	Tinggi
Mengenal Persekitaran	3.92	0.44	Sederhana Tinggi

Dalam Jadual 5 di atas menunjukkan tiga domain utama dalam Kecerdasan Emosi Bertauhid mencapai skor yang tinggi. Skor min bagi domain Mengenal Diri ialah 4.22 ($p=0.35$), domain Mengenal Allah ialah 4.40 ($p = 0.40$) dan domain Mengenal Akhirat skor min ialah 4.29 ($p = 0.42$). Mana kala domain Mengenal Persekitaran mencapai skor min sederhana tinggi 3.92 ($p = 0.44$). Ini menunjukkan keseluruhan responden dalam kajian ini mempunyai tahap Kecerdasan Emosi Bertauhid yang tinggi kecuali Mengenal Persekitaran yang mencapai skor sederhana tinggi. Walaupun keseluruhan tahap kecerdasan emosi remaja adalah tinggi, namun hasil dapatan pada instrumen kajian menunjukkan wujud peratusan yang rendah permasalahan remaja. Seramai 11.6% remaja tidak takut kepada Allah apabila membuat maksiat, 9.2% remaja tidak malu melakukan dosa, 17.9% remaja tidak merasa bersalah apabila melakukan kejahatan, 8.9% remaja tidak bertaubat apabila melakukan maksiat dan 42.8% mengakui pernah melakukan dosa (rujuk Jadual 6).

Jadual 6. Sebahagian item kecerdasan emosi bertauhid

Kod Item	Item	Kekerapan dan Peratus (N=1520)					Min dan SP	
		STS	TS	KS	S	SS		
A01	tidak berani membuat maksiat kerana takut hukuman Allah SWT	40 (2.6)	19 (1.3)	117 (7.7)	448 (29.5)	896 (58.9)	4.41	0.89
A02	malu dengan Allah SWT apabila melakukan maksiat	44 (2.9)	21 (1.4)	74 (4.9)	418 (27.5)	963 (63.4)	4.47	0.88
A03*	tidak rasa bersalah melakukan kejahatan	39 (2.6)	52 (3.4)	179 (11.8)	271 (17.8)	979 (64.4)	4.38	1.00
A04*	Membuat maksiat tidak perlu bertaubat	24 (1.6)	9 (0.6)	18 (6.7)	102 (6.7)	1367 (89.9)	4.83	0.63
A05*	melakukan perbuatan yang membawa kepada dosa	53 (3.5)	247 (16.3)	349 (23.0)	307 (20.2)	564 (37.1)	3.71	1.22

*pernyataan negatif yang direcodekan

Jadual 7. Transkripsi temu bual bersama Guru Pendidikan Islam (GPI)

Masalah kecerdasan emosi remaja yang dikenalpasti oleh GPI	Jumlah Responden (N)
Hamil tanpa nikah	11
Pergaduhan pelajar	10
Histeria	7
Pergaulan antara pelajar lelaki dan perempuan bebas (coupling)	7
Rempit masa luar sekolah	6
Gasterisme	3
Kecenderungan membunuh diri	2
Kemurungan	1

Data tambahan diperoleh melalui temu bual separa berstruktur bersama guru pendidikan Islam di sekolah kajian menunjukkan terdapat remaja yang hamil tanpa nikah, histeria, merempit, gansterisme dan mengalami tekanan perasaan, namun begitu jumlah mereka agak kecil dan rendah (sila rujuk Jadual 7)

Jadual 7 menunjukkan analisis temu bual bersama guru Pendidikan Islam (GPI) tentang masalah emosi yang dialami oleh remaja menunjukkan (N = 11) responden mendakwa pelajar sekolah mereka terlibat dengan kes hamil sebelum nikah, (N = 7) responden mengatakan pergaulan pelajar sekolah mereka agak bebas antara pelajar lelaki dan perempuan, (N = 1) mengatakan ada pelajar mereka yang ditangkap khalwat dan cubaan mencabul. Begitu juga (N = 10) responden mengatakan pelajar sekolah mereka terlibat dalam pergaduhan antara pelajar dalam skala yang kecil sesama mereka, (N = 6) mengatakan pelajar mereka terlibat dengan aktiviti merempit ketika luar dari persekolahan, (N = 3) mengatakan pelajar terlibat dengan gasterisme. Temu bual bersama responden (N = 7) mengatakan pelajar mereka terlibat dengan histeria, (N = 2) mengatakan ada pelajar mereka yang mempunyai kecenderungan membunuh diri, (N = 1) responden mengatakan ada pelajar mereka yang mengalami kemurungan dan sedih yang memanjang. Walau bagaimanapun, para guru yang ditemubual mendakwa jumlah mereka yang mempunyai masalah emosi adalah rendah di sekolah masing-masing. Dapatan ini selari dengan hasil soal selidik yang dijawab oleh 1520 orang remaja berkaitan dengan tahap kecerdasan emosi mereka.

Perbincangan

Secara keseluruhan analisis kajian ini selari dengan dapatan yang telah diperoleh dalam kajian yang dilakukan oleh Saemah et al. (2008) yang merumuskan kecerdasan emosi mencapai peratus min yang tinggi dalam kalangan pelajar sekolah menengah harian di Selangor dan Negeri Sembilan. Walaupun, domain yang digunakan oleh Saemah et al. (2008) tidak sama dengan domain yang digunakan oleh pengkaji, namun hasil dapatan yang dilakukan oleh kumpulan penyelidik itu menunjukkan penemuan yang selari dengan dapatan pengkaji. Begitu juga kajian yang dilakukan oleh Hamidah et al. (2013) terhadap pelajar sekolah menengah harian dan sekolah menengah berasrama menunjukkan tahap kecerdasan emosi mereka berada pada tahap yang tinggi.

Dapatan ini sejajar dengan ayat al-Quran al-Karim yang menegaskan tentang ketenangan hati suatu elemen yang penting dalam kehidupan manusia. Firman Allah SWT dalam surah al-Fath (48: 4) yang bermaksud:

Dialah yang menurunkan ketenangan dalam hati orang-orang yang beriman untuk menambahkan keimanan atas keimanan mereka (yang telah ada).

Menurut Ibn Asyur (2001), Allah SWT akan memberikan ketenangan hati kepada sesiapa yang melaksanakan perintah Allah SWT, menolong agama Allah SWT dan melakukan kebaikan untuk agama Allah SWT. Allah SWT bukan sahaja memberikan ketenangan hati dalam diri orang yang beriman, malah membersihkan hati mereka daripada lintasan syaitan yang sentiasa menggoda manusia melakukan kejahatan dan kefasadan di bumi ini. Malah ketenangan hati orang-orang beriman akan semakin bertambah sekiranya keimanan mereka kepada Allah SWT semakin meningkat dan tinggi. Dalam hal ini al-Ghazālī (1994) menegaskan pembentukan dan pendidikan perlu bermula semenjak zaman kanak-kanak lagi. Sekiranya kanak-kanak diasuh dan dididik dengan kebaikan dan akhlak yang mulia, maka lahirlah dia sebagai anak yang baik dan berakhlak mulia. Sebaliknya anak yang dididik dengan keburukan, caci nista dan kejahatan, maka akan lahirlah daripada hati anak tersebut keburukan dan kejahatan. Sebab itulah al-Ghazālī (2005) sangat menekankan pengislahan diri, menjaga diri daripada penyakit hati dan sifat-sifat tercela yang membahayakan diri sendiri dan kehidupan di akhirat nanti. Semua usaha untuk mencapai ketenangan hati ini mestilah bermula dengan ilmu pengetahuan yang tinggi dan keimanan yang sebenar kepada Allah SWT.

Perkara ini disokong oleh al-Najaty (2008) yang berpendapat ketenangan hati seseorang sebenarnya banyak bergantung kepada hubungannya dengan Allah SWT dan komitmennya dalam ibadat dan takwa

kepada Allah SWT. Inilah elemen yang diabaikan oleh sarjana Barat apabila memperkatakan tentang kecerdasan emosi. Menurut al-Najaty (2008) kecerdasan emosi menurut sarjana Barat lebih memandangkan kepada kejayaan menjalani kehidupan material, kemampuan melaksanakan tanggungjawab, kemampuan mengurus masalah hidup dan keupayaan membina kemahiran sosial dengan orang lain. Hal ini ditegaskan lagi oleh Ibn Taimiyah (t. th.) dan Ibn Qayyim al-Jawzi (2008) yang menjelaskan peranan keimanan kepada Allah SWT, mengikut panduan yang betul sebagaimana yang terdapat al-Quran al-Karim, mengikut ajaran Rasulullah SAW dan beribadat kepada Allah SWT sebagai jalan yang boleh menyelamatkan manusia daripada keluh kesah dan gelisah serta mencapai ketenangan hati dan kebahagiaan jiwa.

Walau bagaimanapun, hasil analisis kajian juga mendapati wujudnya pola perbezaan yang signifikan dalam kecerdasan emosiremaja berdasarkan semua item. Data menunjukkan sebilangan kecil remaja tidak merasa malu dan takut untuk melakukan maksiat. Perasaan ini mendorong mereka untuk tidak merasa bersalah dan bertaubat kepada Allah SWT. Sikap seumpama inilah sebenarnya yang digambarkan dalam akhlak dan tingkah laku sebahagian kecil remaja hari ini. Mereka tidak segan silu melakukan perbuatan terkutuk kemudian menyebarkannya kepada orang ramai melalui laman sosial seperti menyebarkannya di laman mukabuku atau *facebook*. Malah ada segelintir remaja kita begitu berani melakukan aksi seks dan bercumbu-cumbuan di khalayak ramai tanpa perasaan malu. Walaupun yang melakukannya hanyalah segelintir sahaja, namun ia menjadi heboh dan diketahui umum kerana liputan dan berita yang dipaparkan di dada akhbar dan laman sosial begitu berleluasa.

Data ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Saemah et al. (2008) berkaitan kecerdasan emosi remaja. Menurut Saemah et al. (2008) walau pun bilangan yang mendapat skor min sederhana tinggi dan rendah tidak ramai, namun ianya boleh menjadi pendorong kepada remaja yang mempunyai kecerdasan emosi pada aras sederhana untuk berkelakuan cara yang sama. Tambahan pula pada zaman remaja dianggap sebagai zaman *storm and stress* yang akan menyebabkan mereka sentiasa berada dalam kegelisahan dan memerlukan laluan untuk menjelmakan tenaga mereka yang banyak ke arah yang lebih positif. Malah kajian yang dilakukan oleh Mohd. Anuar dan Norshahril (2011) menunjukkan emosi yang tidak stabil seperti marah, geram, tertekan dan dendam akan mendorong pelajar untuk melepaskan geram dengan melakukan pelbagai tingkah laku negatif dengan tujuan melepaskan rasa tertekan mereka.

Skor min yang paling rendah dicapai ialah berkaitan perasaan malu dan mengawal perasaan marah. Perasaan malu yang dikaji dalam kajian ini berkait rapat dengan malu positif dan malu negatif. Malu positif merujuk kepada perasaan malu seseorang pelajar daripada melakukan perkara kajahatan dan maksiat kerana Allah SWT. Mana kala malu negatif merujuk kepada perasaan merujuk kepada perasaan malu seseorang pelajar untuk melakukan kebaikan dan perkara berkaitan suruhan agama seperti bercakap benar di hadapan kawan-kawan, memakai tudung, menyatakan pandangan dan lain-lain. Dalam kajian yang dilakukan, pengkaji mendapati responden mendapat skor min yang rendah berdasarkan perasaan malu yang negatif.

Ini menunjukkan ada sebilangan pelajar merasa malu untuk bercakap dan memberi pendapat yang bertentangan dengan orang lain di hadapan khalayak atau hadapan kawan-kawan mereka. Kajian yang dilakukan oleh Fitzpatrick (2009) terhadap remaja berusia 15 – 17 tahun tentang kesan perasaan malu kepada remaja mendapati perasaan malu seumpama ini mempunyai hubungan langsung dengan keyakinan diri seseorang. Menurut Broucek (1982), Kaufman (1989) dan Morrison (1998) akibat perasaan malu, seseorang boleh mengalami keyakinan diri yang rendah kerana perasaan malu boleh menghapuskan keyakinan diri seseorang. Dapatan ini disokong oleh hasil temu bual dengan responden yang menunjukkan sebahagian responden tiada keyakinan diri untuk bercakap di hadapan orang lain akibat daripada perasaan malu yang menguasai diri. Malah ada setengah responden berbicara dengan pengkaji dalam sesi temu bual dengan suara yang amat rendah kerana perasaan malu tersebut.

Perasaan malu merupakan antara item yang ketara muncul dalam jawapan pelajar. Perasaan malu disusuli pula dengan tiada keyakinan diri menambahkan lagi permasalahan yang berlaku kepada sesetengah pelajar. Hal ini disedari oleh pengkaji apabila cuba mengenalpasti seorang *outlier* sewaktu menguji data kajian. Hasil kajian kepada jawapan responden (Kod No 53) mendapati pelajar ini seorang yang mempunyai keyakinan diri yang rendah, segan apabila memberi pandangan yang berbeza daripada

orang lain. Pengkaji mengandaikan jawapan yang diberikan oleh pelajar ini sebagai gambaran daripada kemelut dirinya yang sebenar. Pengkaji berpandangan demikian kerana jawapan yang diberikan saling menyokong antara satu sama lain sama ada dalam item penghayatan akidah, ketenangan hati dan ketenangan rohani.

Begitu juga dengan perasaan marah dalam kajian ini, berkait rapat dengan marah yang berunsur positif dan marah yang memberi kesan negatif. Marah yang berunsur positif ialah marah kerana Allah SWT seperti perasaan marah apabila haknya diambil orang, perasaan marah kerana agamanya dihina orang, perasaan marah apabila melihat orang kemungkar berleluasa dan lain-lain. Perasaan seumpama ini dipuji dalam ajaran Islam. Mana kala marah yang mendatangkan kesan negatif dan dikira sebagai sifat mazmumah ialah marah yang berasaskan kepada hawa nafsu dan merosakkan kehidupan diri sendiri dan orang lain. Dalam kajian ini, perasaan marah yang mendapat skor min yang rendah ialah perasaan marah yang boleh mengganggu emosi dan perasaan responden. Ini menunjukkan adalah sebilangan responden yang tidak mampu mengawal emosinya apabila berada dalam keadaan marah.

Keadaan ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Jackson et al. (2011) terhadap perasaan marah dalam kalangan remaja menunjukkan remaja yang mengalami kemurungan lebih mudah mempamerkan perasaan marah mereka berbanding remaja yang tidak mengalami kemurungan. Walau bagaimanapun perasaan marah dalam kalangan remaja mempunyai kaitan rapat dengan latar belakang ibu bapa mereka. Begitu juga kajian yang dilakukan oleh Kellner et al. (1999) dan Chaplin (2006) terhadap sikap marah remaja mendapati mereka mendapat skor min yang tinggi bagi tingkah laku negatif akibat emosi marah. Kajian ini secara tidak langsung juga cuba menggambarkan kondisi remaja yang mudah menunjukkan tingkah laku yang negatif apabila dikuasai dengan perasaan marah. Dapatan ini disokong oleh temu bual yang dilaksanakan bersama pelajar yang mendapati ada sebilangan pelajar yang menumbuk dan menyepak kawan dan saudaranya akibat tidak tahan dengan ejekan kawan dan kedegilan saudara sendiri. Namun begitu, bukanlah semua responden yang ditemu bual menunjukkan sikap yang begitu. Ia berlaku hanya kepada segelintir pelajar sahaja. Penemuan ini menunjukkan ada kalangan remaja agak sukar mengawal emosi terutama apabila berhadapan sesuatu masalah yang sukar di atasi.

Remaja hari ini terdedah dengan berbagai-bagai ujian yang menguji jiwa keremajaan mereka. Walaupun purata remaja mempunyai tahap ketenangan hati yang tinggi, ini tidak menafikan tentang wujudnya sebilangan remaja yang mengalami masalah mengawal emosi dan hati mereka dengan baik. Antara sikap yang agak ketara dalam kajian ini ialah pengawalan sikap marah dan kurangnya perasaan malu remaja untuk melakukan sesuatu maksiat dan tidak takut terhadap dosa dan hari akhirat. Mungkin kerana faktor inilah yang menjadi sebab segelintir remaja hari ini menjadi begitu berani menipu ibu bapa mereka, keluar melakukan maksiat, bergaul bebas dengan pasangan sehingga melakukan seks luar nikah, sanggup menghadiri konsert liar yang penuh dengan arak, judi, dadah dan seks bebas. Manakala kurang mengawal sikap marah pula mengakibatkan berlakunya pergaduhan sesama remaja sama ada dalam sekolah atau di luar sekolah. Kewujudan gaya samseng boleh berlaku dalam kalangan remaja yang berdarah panas sebagaimana kejadian amuk dan pukul guru oleh sekumpulan pelajar yang tidak berpuas hati dengan teguran guru terhadap sikap mereka seperti yang dilaporkan oleh akhbar baru-baru ini. Begitu juga sikap merosakkan harta benda sekolah dan kenderaan guru hanya kerana marah dan geram dengan peraturan dan disiplin yang dikenakan terhadap mereka.

Hal ini disahkan melalui laporan yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) pada tahun 2014 menunjukkan peningkatan yang sangat mendadak terhadap kes jenayah yang melibatkan juvana. Kegagalan remaja mengawal perasaan dan emosi boleh mendorong berlakunya tindakan yang diluar kawalan seperti jenayah rogol, memeras dan menyamun, mencederakan orang lain dan sebagainya. Peningkatan jenayah ini menggambarkan remaja kita semakin berani melakukan dosa dan maksiat kepada Allah SWT. Malah mereka secara terang-terangan berkongsi kejahatan yang dilakukan melalui laman sosial seperti *face book*, *instagram* dan sebagainya tanpa ada perasaan malu dan segan.

Kesimpulan

Kecerdasan Emosi Bertauhid adalah satu model yang mengemukakan nilai tauhid dalam penilaian kepada kecerdasan emosi seseorang. Perkara ini selari dengan tujuan kejadian manusia dan hakikat kewujudan manusia adalah untuk mentauhidkan Allah SWT. Model ini mengambil kira empat aspek yang merangkumi aspek diri, Tuhan, akhirat dan alam bagi membentuk satu kombinasi padu dalam melahirkan insan yang sejahtera jiwa dan emosinya. Diharapkan model ini akan membentuk sebuah Modul Kecerdasan Emosi Bertauhid yang boleh digunapakai oleh semua pihak yang berkepentingan.

Rujukan

al-Quran al-Karim

- Al-Ghazālī, Abū Hamīd Muhammad ibn Muhammad (2005) *Ihya' ulum al-din*. Dar al-Tauzi' wa al-Nasyr al-Islāmiyah, Kaherah.
- Al-Ghazālī, Abū Hamīd Muhammad ibn Muhammad (1994) *Majmu'ah rasa'il al-Imam al-Ghazālī*. Dar al-Kutub al-Ilmiah, Lubnan.
- Augustian Ary Ginanjar (2001) *ESQ: Emotional Spiritual Intelligence*. Penerbit Arga, Jakarta.
- Broucek F (1982) Shame and its relationship to early narcissistic development. *International Journal of Psychoanalysis* 63, 369 – 378.
- Bryman A, Cramer D (2011) *Quantitative data analysis with SPSS release 8 for windows: A guide for social scientists*. Routledge, London.
- Chaplin TM (2006) Anger, happiness and sadness: Associations with depressive symptoms in late adolescence. *Journal of Youth and Adolescence* 35 (6), 977-986.
- Fitzpatrick CJ (2009) An investigation of the emotional outcomes of shame in middle adolescents. (Tesis Ph.D). Newark Rutgers, The State University of New Jersey.
- Goleman D (1998) *Working with emotional intelligence*. Bantam Books, New York.
- Hamidah Sulaiman, Zawawi Ismail, Rorlinda Yusof (2013) Kecerdasan emosi menurut al-Quran dan al-Sunnah: Aplikasinya dalam membentuk akhlak remaja. *The Online Journal of Islamic Education* 1 (2), 51-58.
- Ibn Asyur, Muhamad al-Tahir (2001) *Tafsir al-tahrīr wa al-tanwīr*. Dār al-Nafa'is, Amman.
- Ibn Qayyīm, Abū Bakr bin Ayūb al-Jawziyah (2008) *Madārij al-Sālikin*. Terj. Arifin Ladari. Berlian Publication, Puchong.
- Ibn Taymiyah, Ahmad (T. th.) Amrādh al-qulūb wa syifā'uha. Jil. 10. *Majmū'ah fatāwa Syeikh al-Islam Ahmad bin Taymiyah*. al-Ri'āṣah al-'āmah li syu'ūn al-haramayn al-syarīfayn, Saudi.
- Jackson J, Kuppen P, Sheeber LB, Allen NB (2010) Expression of anger in depressed adolescents: The role of the family environment. *Journal Abnorm Child Psycho* 39, 463 – 474.
- Kaufman G (1989) *The psychology of shame: theory and treatment of shame based syndromes*. Springer, New York.
- Kellner MH, Brenna BH (1999) The effect of anger management groups in a day school for emotionally disturbed adolescents. *Adolescence* 34 (winter), 136. ProQuest. Pg. 645.
- Maslow AH (1943) A Theory of Human Motivation. *Psychology Review* July, 388-389.
- Mohd Anuar Abdul Rahman, Norshahril Abdul Hamid (2011) Kesan Persekitaran Terhadap Pembangunan Emosi Pelajar di Fakulti Pendidikan, UTM. *Journal of Education Psychology & Counseling* 1 (Mac), 141-161. ISSN: 2231-735X. Faculty of Education, Universiti Teknologi.
- Mohd. Idham, Zamri Mahamod, Melur Md. Yunus, Nik Rahimi Nik Yusoff (2010) Profil kecerdasan emosi guru pelatih bahasa mengikut tahun pengajian. *Gema Online Jurnal of Language Studies* 10(2), 57-75.
- Morrison AP (1998) *The culture of shame*. Jason Aronson, Inc., Northvale, New Jersey.
- Najāty, Muhammad °Uthmān, al-Sayid, °Abd al-Halīm Mahmūd (2008) *°ilm al-nafs fī al-turāth al-Islāmī*. Dār al-Salām, Kaherah.

- Noriah Ishak, Siti Rahayah Arifin (2003) Kepintaran emos di kalangan pekerja di Malaysia. *Prosiding Seminar IRPA RMK-8 Kategori EAR 2003*, pp. 258-262. Pusat Pengurusan Penyelidikan, Bangi.
- Noriah et al. (2004) *Manual Inventori Kecerdasan Emosi Malaysia, IKEM (D)*.versi 2. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norsaleha Mohd. Salleh (2015) *Penghayatan akidah, ketenangan hati dan ketenangan rohani pelajar sekolah menengah kebangsaan di Malaysia*. (Tesis Ph.D). Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rorlinda Yusof (2009) *Kecerdasan emosi, efikasi sendiri dan sumbangan terhadap komitmen tugas guru kaunseling sekolah menengah*. (Tesis Ph.D). Fakulti Pendidikan, UKM.
- Saemah Rahman, Noriah Mohd. Ishak, Zuria Mahmud, Ruslin Amir (2008) Indeks dan profil kecerdasan emosi pelajar sekolah menengah. *Jurnal Teknologi* **48**(E), 187-202.
- Salinah Pit (2008) *Kecerdasan emosi di kalangan pelajar*. (Tesis Sarjana). Fakulti Pendidikan, UKM.